

## **CERAMAH PERDANA BERSAMA IMAM MUDA ASYRAF**

Pada 25 September, Seksyen Hal Ehwal Islam telah menganjurkan Ceramah Perdana Peringkat INSTUN. Program bermula jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Ceramah telah disampaikan oleh selebriti terkenal, Imam Muda Asyraf yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Antara yang dijemput hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan sekitar daerah Muallim.

Penyertaan program amat menggalakkan walaupun negara masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sepanjang program tersebut, semua SOP dilaksanakan dengan baik oleh ahli jawatankusa yang bertugas.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah yang disampaikan oleh Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN.



